



DAING NASIR IBRAHIM (tengah) bersama pegawai Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Majlis Serahan Bangunan antara JKR dengan Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. di UMP Pekan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA CHELLO KAMPUS) 4/11/2015 m/s 26

Kompleks Pentadbiran Utama UMP beroperasi di Pekan

KUANTAN 3 Nov. - Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) yang merupakan nadi terhadap pembangunan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan kiri telah beroperasi sepenuhnya Selasa lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, KPU menempatkan beberapa jabatan iaitu Pejabat Naib Canselor; Jabatan Pendaftar; Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni; Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa; Jabatan Penyelidikan dan Inovasi serta Jabatan Kewangan.

“Sepanjang tempoh pembinaan pelbagai permasalahan dihadapi antaranya perubahan rekabentuk kubah, kerja-kerja pemasangan kubah, faktor cuaca dan pematuhan kehendak pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan kelulusan pelan bangunan.

“Sebelum ini, pejabat pengurusan dan pentadbiran UMP beroperasi di Kampus Gambang dan kini beroperasi sepenuhnya di Kampus Pekan sebagai kampus induk,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Serahan Bangunan antara Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. di Dewan Serbaguna KPU di UMP Pekan, baru-baru ini.

Tambah Daing Nasir, selain KPU, empat Projek Pembangunan UMP Kampus Pekan telah beroperasi adalah Perpustakaan UMP yang siap pada 2011, UMP Fasa 1B (2012), Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) serta Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan merangkumi dewan kuliah utama.

Sementara itu, Pengarah Cawangan Kerja Pendidikan UMP, Ir. Shahrudin Shahril berkata, KPU

di rekabentuk dengan inspirasi terjemahan elemen senibina yang mempunyai ciri-ciri berkonsepkan mesra alam menonjolkan reka bentuk permukaan bumbung yang besar membolehkan dinding berkaca yang optima dibina untuk mendapatkan pencahayaan semula jadi yang maksima.

“Elemen kubah sebagai struktur utama di ruang Pusat Pentadbiran iaitu Canseleri menonjolkan imej Kompleks Pentadbiran ini sebagai *landmark* kepada pembangunan UMP secara keseluruhannya.

“Komponen lain bagi bangunan ini adalah *Chiller Room* dan *Cooling Tower*, *Refuse Chamber*, *Pump House* dan *Hose Reel Pump Room* untuk melengkapi sistem kemudahan bangunan bagi kebolehfungsian bangunan secara menyeluruh,” katanya.